

Keputusan sukar hasil kejayaan gemilang

Julia raih pendapatan RM600,000 sebulan menerusi perniagaan Tupperware Brands



Oleh Noriah Idris
nor@hmetro.com.my

SEKIRANYA Julia Gomes, 72, tidak membuat keputusan berhenti kerja sebagai ketua kerani di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur lebih 40 tahun dulu, mungkin kini dia hanya menjadi pesara biasa dan menikmati pencekaman RM700 sebulan berbanding pendapatan diraih hari ini menjangkau RM600,000 sebulan.

Jawatan yang disandang dulu ditinggalkan tanpa rasa kesal membolehkan kejayaan memberangsangkan sekali



GIGIH. Julia gigih mempromosi produk sejak awal pembabitannya.

gus menukar corak hidupnya. Namun, apa yang diperoleh kini bukan sesuatu yang mudah jika usaha mempertahankannya untuk jangka masa akan datang tidak dilakukan dengan bijak.

Mengakui jalan dilaluinya amat berliku dan dugaan dihadapi benar-benar mencabar kewibawaan diri, dia tidak mudah mengalah. Sehingga kini dia dikenali antara wanita gigih yang amat istimewa kerana bijak mengurus masa dan membuat keputusan dalam hidupnya.

"Masa buat keputusan untuk bercuti tiga bulan semata-mata mencuba nasib menjual produk Tupperware, suami banyak menasihati sama ada saya betul-betul serius dengan perniagaan itu kerana kluar cabaran jatuh bangun dunia perniagaan.

"Tidak dinafikan saranan dan pandangan suami banyak betul-betul kerana saya perlu mengorbankan pinjaman perumahan, insurans dan pelbagai pinjaman yang dilakukan jika sebarang kemungkinan berlaku.

"Ingin membuktikan kepada suami saya benar-benar hendak mengubah nasib keluarga, perkara pertama terlintas di kepala adalah kerja keras tanpa

mengenal jemu kerana amat fokus.

"Usaha itu amat berbaloi sehingga mendorong saya membuat keputusan terus menghantar surat berhenti kerja memandangkan jualan pertama melebihi RM1,000 iaitu melebihi gaji sendiri dan ia terus melonjak dari bulan ke bulan.

"Lebih menyeronokkan kerana memperoleh pendapatan lumayan dan masa bersama anak. Ketika itu, Andrea berusia tujuh tahun manakala Jessica baru masuk dua tahun.

"Anak-anak paling seronok kerana saya juga dapat memenuhi impian mereka untuk memiliki piano yang ketika itu saya beli dengan harga RM2,000. Ketika itu, nilai sebanyak itu amat besar maknanya.

"Kebetulan, anak kedua saya menghidap penyakit kronik dan doktor menjangkakan hayatnya tidak panjang, tetapi saya selalu berdoa supaya tuhan memberikan kekuatan untuk menempuh dugaan demi dugaan.

"Melihat kegigihan saya, suami turut berhenti kerja dan sama-sama membantu saya untuk melonjakkan produk itu. Sempat bekerja bersama-sama hanya tiga bulan dan selepas itu suami meninggal dunia akibat serangan jantung.

"Ia bagaikan trauma dalam hidup saya sehingga berasakan sukar untuk pulih," katanya menceritakan mengenai mendiang suaminya, Rodney Dias yang tidak sempat menikmati kejayaan mereka sekeluarga.

Melihat keadaan dirinya yang agak tertekan ketika itu,

Julia kemudian meminta anak sulungnya yang baru berusia 18 tahun supaya tidak meneruskan impiannya ke luar negara untuk mengikuti pengajian pengurusan perhotelan bagi membantunya meningkatkan perniagaannya.

Memandangkan ketika itu ekonomi negara agak meleset, ia sedikit sebanyak turut membenarkan tekanan perasaan terhadap wanita itu.

Namun, sebagai ibu dia berjanji kepada anak sulungnya, sekiranya keadaan ekonomi pulih kelak dia akan membenarkan si anak meneruskan impiannya untuk belajar dalam bidang berkenaan.

Ketika itu, dia mula mencatur strategi dengan mengadakan sistem parti Tupperware semata-mata menarik keahlian sekali gus meningkatkan jualan.

Ternyata nasib menyebelahi wanita itu apabila syarikatnya terus berkembang maju. Syarikat dirintisnya, JR Sales dan selepas itu ditukar kepada Juara Ribuan dengan pendapatan pernah mencecah RM4 juta setahun berkat dirinya yang tidak kenal erti putus asa.

Tidak hairan jenama Tupperware terus berkembang berkat sokongan rakan dalam perniagaan serta rangkaian teguh yang dibinanya.

Apa yang penting adalah sandaran produk yang berkualiti tinggi dan tidak diragui meyakinkan ramai pengguna.

Dia turut menukarkan cawangannya dari Shah Alam ke Petaling Jaya dan Kuala Lumpur serta akhirnya di Wangsa Maju. Berkat kegigihan mereka anak-



JULIA...harungi pelbagai kepayahan sebelum berjaya.

beranak, mereka kini memiliki bangunan sendiri bernilai lebih RM700,000 yang menjadi sandaran masa depannya sekeluarga.

Lebih mengharukan apabila anak sulungnya membantu sepenuh jiwa sehingga bertemu jodoh malah syarikat berkenaan menyatukan anak menantu untuk terus mengembangkan syarikat terus berdaya maju.

"Menariknya, anak berterima kasih kepada saya kerana tidak membenarkannya meneruskan niat menyambung pelajaran dulu. Dia kini sudah berjawatan penting dalam syarikat iaitu sebagai pengurus. Anak bongsu

saya juga sudah pulih sepenuhnya daripada penyakitnya dan ia berta menggembarakan.

"Sesuatu yang dipelajari daripada pengalaman itu adalah apabila kami bersatu untuk membangunkan syarikat. Bukti kegigihan itu membuah kejayaan dan ini bererti betapa pentingnya rasa keiktiaan untuk menggamit kejayaan.

"Pada usia sekarang, saya hanya melihat perniagaan anak terus berkembang dan bangga kerana generasi ini terus mempertaruhkan kegigihan masing-masing untuk membuktikan Tupperware bukan sekadar perniagaan plastik.

"Bahkan, ia menyatukan masyarakat tanpa mengira bangsa, memberi kekuatan kepada mereka untuk menggemblengkan usaha dan sekali gus meletakkan tahap motivasi yang tinggi dalam diri mereka yang mengimpikan kejayaan.

"Saya percaya hikmah di sebalik kesakitan, tuhan berikan musibah berserta cara penyelesaiannya.

"Sebagai orang yang waras, kita harus berfikir untuk mencari penawar kepada segala kesakitan itu. Di situ lah pemacu segala usaha untuk menjulang kejayaan," katanya.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman - e-mel kami di myinspira@tupperware.com untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini menjadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menangi hadiah berupa barangan Tupperware Brands bernilai RM50,000, bermula dengan bekas Jumbo Modular ini (gambar, kiri) bernilai RM105.00.



Tingkatkan taraf hidup anda dengan Memperkayakan • Mendidik • Mencerikan •

Sila taip <tupperware><jarak><anugerah><jarak><inspira01><jarak><nama anda><jarak><negeri anda> hantar sms ke 32300.

Cth: tupperware anugerah inspira01 Anita Sofia Selangor. RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tupperware Brands

Untuk maklumat lanjut berkenaan Anugerah Wanita Inspira sila layari www.tupperware-brands.com.my/inspira Dail 1 800 88 3456 (toll free) or msccustomer@tupperware.com

BEAUTICONTROL TUPPERCHEF Tupper Clean

Error - Julia raih jualan RM 600,000 setahun menerusi perniagaan Tupperware Brands and not Julia raih pendapatan RM 600,000 sebulan